

CABARAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBELAJARAN BERASASKAN KERJA DI KOLEJ KOMUNITI BUKIT BERUANG MELAKA

¹Wazli Bin Watisin dan ²Mohammad Hisyam Bin Mohd Hashim

¹Jabatan Pendidikan Ikhtisas

²Jabatan Pendidikan Kejuruteraan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

mhisyam@uthm.edu.my loq_wazli@yahoo.com.my

ABSTRAK

Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) merupakan satu kaedah pembelajaran yang menggabungkan pembelajaran teori dan amali secara serentak di lapangan kerja sebenar dengan tujuan untuk melahirkan graduan yang memiliki nilai kebolehkkerjaan yang tinggi. Walaupun kaedah ini telah lama dilaksanakan di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom, namun di Malaysia ianya baru dilaksanakan pada tahun 2007 dan hanya melibatkan beberapa buah Kolej Komuniti. Antara masalah yang dihadapi oleh Kolej Komuniti untuk melaksanakan kaedah pembelajaran ini adalah cabaran dari sudut hubungan dua-hala diantara Kolej Komuniti dan pihak industri yang menjalinkan kerjasama untuk melatih pelajar PBK. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka, memahami dan menjelaskan pelaksanaan program diploma PBK Rekaan Fesyen dan Apparel di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka Malaysia. Kajian menumpukan kepada tiga aspek utama iaitu kaedah pelaksanaan, masalah dalam pelaksanaan dan punca berlakunya masalah tersebut. Metodologi kajian kes kualitatif digunakan dan dilaksanakan di Kolej Komuniti Bukit Beruang (KKBB) Melaka. Proses pengumpulan data di lapangan kajian dilaksanakan selama setahun menggunakan teknik temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Strategi persampelan variasi maksima, teknik persampelan snowball dan jenis persampelan bertujuan digunakan. Partisipan adalah Ketua Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat, pensyarah penyelar PBK, majikan industri dan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa berlaku beberapa kekangan dalam pelaksanaan PBK di KKBB. Kekangan-kekangan ini melibatkan tahap kepakaran yang rendah terhadap program PBK dikalangan pensyarah dan majikan, masalah hubungan dua-hala KKBB dan industri, masalah penilaian, masalah pengurusan dan kadar kemasukan pelajar untuk program PBK kurang memberangsangkan. Antara punca kepada berlakunya masalah tersebut adalah disebabkan individu yang terlibat dengan PBK kurang pengalaman dan pengetahuan dari sudut pelaksanaannya. Berdasarkan dapatan kajian, satu kerangka konseptual kaedah pelaksanaan PBK dicadangkan sebagai panduan pelaksanaan program PBK di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka.

PENGENALAN

Pelbagai definisi tentang pembelajaran telah dikemukakan ramai ahli akademik tetapi penyelidik tertarik dengan definisi yang diberikan oleh Nik Azis (1994), beliau menyatakan bahawa pembelajaran adalah satu pengambaraan yang berpanjangan dan tidak ada cara singkat, kaedah pendek, teknik ringkas, atau jalan pintas untuk menjadi insan yang pintar cerdas. Oleh itu, pelbagai kaedah pembelajaran telah diadaptasikan dalam dunia pendidikan untuk melahirkan para graduan yang memenuhi kehendak industri semasa terutamanya dalam institusi pendidikan Teknik dan Vokasional. Pada bulan Februari tahun 2007, Bahagian Kolej Komuniti KPTM telah melaksanakan satu sistem pembelajaran yang dianggap baru di negara kita iaitu Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) peringkat diploma. PBK merupakan satu kaedah pembelajaran yang memberikan pengalaman besar kepada pelajar dan memberi mereka peluang lebih luas untuk menempatkan diri dalam bidang industri yang mereka ceburi.

PBK di Kolej Komuniti adalah satu langkah positif kearah merealisasikan wawasan 2020 yang mana memerlukan jumlah tenaga kerja mahir yang tinggi. Bertepatan dengan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9) yang memerlukan ramai tenaga mahir dalam pelbagai bidang untuk menjayakan RMK9 dan seterusnya bergerak kearah Wawasan 2020. Pelaksanaan PBK pada peringkat Kolej Komuniti adalah untuk menyahut gagasan kerajaan dan seterusnya memenuhi keperluan modal insan yang diperlukan negara untuk mencapai status negara maju. PBK memerlukan kesungguhan dalam pelaksanaannya dan kerjasama daripada semua pihak untuk memastikan pelaksanaannya mencapai kejayaan. Menurut Nik Aziz (1999), bulatan kejayaan membabitkan empat langkah yang mudah, iaitu menentukan langkah pertama, merancang langkah pertama, menjalankan langkah pertama, dan menilai pencapaian langkah pertama. Setiap langkah membawa kita 1/4 jalan ke arah mengelilingi bulatan kejayaan. Usaha menentukan sesuatu yang hendak dilakukan dan membuat pelan tindakan yang sewajarnya membawa kita 1/2 jalan ke arah melengkapkan bulatan kejayaan dengan sempurna. Menurut beliau lagi, kesediaan memaksimumkan penggunaan masa dan tenaga untuk melakukan aktiviti yang dirancang secara sistematik serta berlandaskan satu sistem nilai hidup yang murni adalah rumusan terbaik mencapai kejayaan.

RMK9 memerlukan sejumlah besar tenaga kerja mahir untuk melaksanakannya dan kearah merealisasikan wawasan 2020 sebagai sebuah negara maju mengikut acuan sendiri. Laporan RMK9 menyebut bahawa terdapat keperluan pusat pengajian tinggi untuk melahirkan graduan yang memenuhi keperluan industri semasa. Bagi menyahut saranan dalam RMK 9, pelaksanaan PBK di Kolej Komuniti KPTM merupakan satu langkah bijak untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir yang diperlukan dalam RMK9. Persekitaran ekonomi moden yang penuh dengan persaingan memerlukan tenaga kerja mahir yang tinggi sedangkan menurut Bloom *et al.* (2004), masalah kekurangan tenaga kerja mahir dari sudut endemik, sistematik dan budaya masih kurang. Kajian yang dilakukan penyelidik ini adalah berkisarkan tentang pelaksanaan program PBK di KKBB. Sebelum penyelidik melangkah dengan lebih jauh dalam kajian ini, penyelidik ingin berkongsi sedikit tentang sejarah perkembangan sistem pendidikan di Malaysia iaitu sebelum merdeka dan selepas kemerdekaan

negara sehingga wujudnya pelbagai kaedah pembelajaran yang terkini termasuk kaedah PBK yang dilaksanakan bermula dari tahun 2007.

PEMBELAJARAN BERASASKAN KERJA (PBK)

Sebelum menerangkan lebih lanjut tentang PBK, ada baiknya penyelidik menerangkan dahulu serba ringkas tentang definisi PBK bagi memudahkan pemahaman pada peringkat yang seterusnya. Merriam (2001) menyatakan bahawa mengetahui serba sedikit tentang tajuk penyelidikan kualitatif dapat memudahkan kerja lapangan. Perkara tersebut telah menjadi pegangan penyelidik sepanjang kajian ini dijalankan. Berdasarkan pembacaan penyelidik terhadap jurnal dan penyelidikan yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu, penyelidik telah mengambil beberapa definisi yang popular tentang PBK dan sesuai dengan fenomena kajian. Ini kerana penyelidik mendapati definisi tentang PBK di kalangan ahli akademik mempunyai maksud yang hampir sama cuma disampaikan dalam gaya bahasa yang berbeza.

Antara definisi popular penyelidik terdahulu tentang PBK ialah definisi yang diberikan oleh Anne C Lewis (2004), beliau menyatakan bahawa Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) merupakan satu kaedah pembelajaran yang jelas memberikan pengalaman yang besar kepada pelajar dan memberikan mereka peluang yang lebih luas untuk menempatkan diri dalam bidang industri yang mereka ceburi. Seagraves *et al* (1996) pula mendefinisikan PBK ini sebagai pembelajaran yang menghubungkan keperluan bidang pekerjaan, pembelajaran kerja, pembelajaran di tempat kerja dan pembelajaran melalui kerja. Bagi David Johnson (2001) pula, beliau mendefinisikan PBK sebagai pembelajaran melalui kerja dengan seliaan mentor.

Berdasarkan Iowa Education Department (2002), PBK boleh didefinisikan sebagai suatu perancangan dan hubungan pengalaman di bilik darjah dengan jangkaan realiti di alam pekerjaan di mana pengalaman PBK ini menyediakan pelajar kepada peluang pembangunan pengetahuan, kemahiran, sikap keboleherjaan yang mendorong kepada pengetahuan pemilihan kerjaya yang lebih jelas. Merujuk kepada definisi yang diberikan, terdapat beberapa kata kunci penting yang terlibat dalam pengertian PBK iaitu pertama, hubungan integrasi antara akademik dan pembangunan kerjaya dilapangan. Kedua, pemilihan kerjaya yang lebih jelas membolehkan pelajar meneliti bidang-bidang kerjaya yang boleh diceburi, mengenal pasti minat, menetap sasaran kerjaya, membina kemahiran dan memahami keperluan bidang kerjaya pada masa akan datang dan yang ketiga ialah sikap keboleherjaan yang menerapkan sikap menepati masa, kemahiran komunikasi, kejujuran, kerja berpasukan, kualiti orientasi dan orientasi pelanggan. Kurikulum yang dibina haruslah melibatkan rakan perniagaan, pekerja, industri, pendidikan dan komuniti.

Sebuah pertubuhan yang aktif di Amerika syarikat dalam mengkaji pelbagai masalah dalam dunia pendidikan iaitu United States 103rd Congress (1994) mengketengahkan definisi mereka tentang PBK sebagai satu program latihan kerja dan pengalaman kerja yang dirancang termasuk latihan yang berkaitan dengan pra pekerjaan dan kemahiran bekerja serta menguasai secara progresif pada tahap tinggi seterusnya diselaraskan dengan pembelajaran berasaskan

sekolah, relevan dengan kerjaya yang luas dan penganugerahan sijil kemahiran. Kemahiran harus meliputi kecekapan di tempat kerja secara menyeluruh, meliputi pengajaran dan dihubungkan dengan aktiviti yang memperkembangkan sikap positif bekerja, kebolehkeraan, pengajaran luas dan semua aspek dalam industri.

Sebuah lagi pertubuhan yang aktif menjalankan kajian berkenaan dengan PBK ialah Office of Technology Assessment (1995), pertubuhan ini mendefinisikan PBK sebagai sebagai pembelajaran hasil daripada pengalaman kerja yang dirancang untuk menyumbang terhadap perkembangan intelek dan kerjaya pelajar. Pengalaman kerja hendaklah ditambah dengan aktiviti tambahan seperti peneguhan, menambahbaik atau memanjangkan masa pembelajaran semasa kerja, dengan itu pelajar dapat memperkembangkan tingkah laku, pengetahuan, kemahiran kerana ianya tidak akan berkembang hanya dengan pengalaman kerja semata-mata.

PERNYATAAN MASALAH

Pelaksanaan program PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka adalah kesinambungan daripada saranan dalam RMK-9 dan tuntutan dalam Pelan Tindakan Pengajian Tinggi yang menginginkan Kolej Komuniti terlibat dalam menjana modal insan yang diperlukan negara bagi mencapai wawasan 2020 seterusnya mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan. Pelaksanaan PBK mempunyai pelbagai cabaran kerana pelaksanaannya melibatkan bukan hanya institusi pendidikan tetapi juga pihak industri. Masalah yang timbul adalah melibatkan komitmen dan kerjasama hubungan dua-hala diantara institusi pendidikan dengan pihak industri sepanjang menjalankan kerjasama dalam pelaksanaan PBK. Ketidakmampuan pihak industri untuk memberikan komitmen terbaik dan kegagalan institusi pendidikan mewujudkan situasi menang-menang dalam kerjasama hubungan dua hala dengan pihak industri merupakan permasalahan utama yang berlaku dalam pelaksanaan PBK. Komitmen pihak industri dan situasi menang-menang merupakan faktor penting bagi kejayaan pelaksanaan PBK. Permasalahan ini dijangka wujud dalam program PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka kerana PBK di Kolej Komuniti ini masih di peringkat awal pelaksanaan iaitu baru bermula pada 2007 sedangkan PBK yang telah bertapak lama di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat masih mengalami masalah tersebut. Satu kajian tentang pelaksanaan program PBK di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka dijalankan untuk menerokai kaedah pelaksanaannya dari sudut pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di industri, masalah yang dihadapi dan punca masalah tersebut bagi mengetahui situasi sebenar yang berlaku dalam pelaksanaan PBK di KKBB secara terperinci. Ianya meliputi komitmen majikan, hubungan dua hala KKBB dan majikan serta peranan PBK untuk melahirkan pelajar yang kompeten dan seterusnya mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja mahir negara. Cadangan penambahbaikan dirangka bagi meningkatkan lagi kualiti pelaksanaannya di KKBB agar matlamat pelaksanaan PBK tercapai seperti yang telah digariskan.

METODOLOGI

Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan tiga kaedah pengumpulan data yang utama iaitu pemerhatian, temubual dan analisis dokumen. Ketiga-tiga kaedah pengumpulan data ini memerlukan penyelidik berada pada latar sebenar kajian iaitu Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka. Othman Lebar (2006) menyatakan bahawa tiga method utama dalam penyelidikan kualitatif iaitu pemerhatian secara langsung, temubual yang mendalam dan analisis dokumen yang mana memerlukan penyelidik berada di lapangan sebenar kajian. Pendapat Othman Lebar ini bersamaan dengan pendapat beberapa ahli kualitatif, antaranya ialah Merriam (2001), Max Travers (2001), David Silverman (1997) dan Patton (1990). Penyelidik menerangkan ketiga-tiga kaedah pengumpulan yang dilakukan dalam kajian ini pada penerangan berikutnya.

Pemerhatian

Pemerhatian tentang pelaksanaan program PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di KKBB bermula secara langsung dari hari permulaan kajian menetapkan tajuk kajian yang dikaji. Penyelidik hanya melakukan pemerhatian secara santai dan tidak secara mendalam pada peringkat ini dan hanya membuat pemerhatian terhadap fenomena semasa dalam pendidikan teknik dan vokasional serta organisasi dalam pendidikan teknik dan vokasional untuk memudahkan penyelidik merancang langkah pengumpulan data yang seterusnya. Tindakan penyelidik bertepatan dengan apa yang disarankan oleh Bogdan dan Biklen (1992) supaya melakukan pemerhatian pendek peringkat permulaan bagi mengelakkan daripada terlalu ghairah dengan situasi baru. Pemerhatian pada peringkat awal adalah meliputi organisasi pendidikan teknik dan vokasional lebih menjurus kepada mengenalpasti individu-individu yang sesuai untuk ditemubual bagi mendapatkan penerangan tentang program PBK yang dilaksanakan pada peringkat Kolej Komuniti.

Temubual

Penyelidik menggunakan temubual jenis tidak berstruktur dalam kajian tentang pelaksanaan program PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di KKBB. Jenis temubual tidak berstruktur adalah kaedah temuabual dalam kualitatif (Merriam,2001). Penyelidik menemubual partisipan bergantung kepada keselesaan partisipan dan suasana semasa temubual dijalankan. Menurut Othman Lebar (2006), temubual tidak berstruktur mampu menghasilkan data yang banyak dan kaya. Sepanjang sesi temubual, penyelidik menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya semasa menjalankan temubual supaya temubual nampak lebih mesra kerana kesemua partisipan kajian adalah berbangsa Melayu dan tindakan penyelidik adalah berdasarkan saranan Merriam (2001), iaitu temubual harus berlangsung dalam suasana yang mesra diantara penyelidik dan partisipan. Sepanjang temubual berlangsung, penyelidik menggunakan pita rakaman dan untuk merekod setiap temubual dengan partisipan.

Bagi temubual yang tidak dapat dirakam dengan perakam, penyelidik mencatatkan temubual dalam bentuk nota sebaik sahaja selesai sesi temubual kerana Patton (1990) menyatakan bahawa penyelidik kualitatif boleh mencatat seberapa banyak nota temubual yang dapat diingat sebaik sahaja sesi temubual selesai. Bagi memastikan maklumat yang didapati pada sesi temubual tepat dan memenuhi kehendak persoalan serta tujuan kajian, penyelidik menyalin (*transcribe*) semula data yang ada pada pita rakaman kepada bentuk data bertulis sebaik sahaja temubual selesai dijalankan. Data kemudiannya dianalisis dengan bantuan perisian komputer iaitu NVivo. Perkara ini amat penting kerana menurut Max Travers (2001), data yang diperolehi mesti bertepatan dengan tujuan dan persoalan kajian. Dengan menggunakan data bertulis, penyelidik berbincang dan mendapatkan pandangan daripada penyelia untuk memperbaiki soalan-soalan temubual. Penyelidik hanya menjalankan temubual dengan partisipan yang seterusnya selepas berbincang dengan penyelia mengenai data temubual yang diperolehi sebelumnya. Semua perbincangan ini dilakukan kerana meminta pendapat dan tunjuk ajar daripada orang yang lebih berpengalaman adalah amat penting bagi seorang penyelidik yang baru (David Silverman, 1997).

Analisis Dokumen

Banyak pendapat tentang analisis dokumen dikalangan pengkaji kualitatif. Penyelidik menggunakan beberapa pendapat yang sesuai dan relevan dengan kajian. Bogdan dan Biklen (1998) merujuk dokumen sebagai bahan seperti gambar, filem, video, memo, surat, diari, rekod kes yang terdapat dalam pelbagai bentuk atau jenis dan berguna untuk menyokong data pemerhatian serta temubual. Merriam (2001) pula memilih dokumen sebagai bahan yang bertulis, visual dan fizikal yang banyak dan relevan kepada kajian yang dijalankan. Dokumen yang dianalisis mestilah relevan dengan persoalan dan tujuan dalam kajian. Dokumen yang dianalisis merupakan beberapa keping gambar pelaksanaan program PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di KKBB, alat bantu mengajar PBK dan log buku catatan pelajar PBK.

Daripada pernyataan penyelidik kualitatif tersebut, penyelidik jelas tentang dokumen yang perlu untuk dianalisis dalam kajian tentang pelaksanaan program PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di KKBB. Penyelidik pada awalnya bercadang membuat analisis terhadap empat jenis dokumen iaitu rekod awam, dokumen peribadi, bahan fizikal dan dokumen yang dijana oleh penyelidik sendiri kerana Othman Lebar (2006) merujuk jenis dokumen sebagai rekod awam, dokumen peribadi dan bahan fizikal manakala Merriam (2001) mengatakan bahawa penyelidik sendiri juga boleh menjana dokumen untuk tujuan kajian. Tetapi dukacita kerana beberapa dokumen seperti kandungan silibus dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan program PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di KKBB adalah sulit dan partisipan tidak membenarkan penyelidik melihat dokumen tersebut. Sebagai menghormati kehendak partisipan, penyelidik akur dengan kehendak tersebut dan hanya melihat dokumen yang dibenarkan seperti fail catatan pelajar, alat bahan bantu mengajar dan gambar pelaksanaan program PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di KKBB.

CABARAN PELAKSANAAN PBK

Berdasarkan dapatan kajian, penyelidik telah menemukan beberapa permasalahan utama dalam pelaksanaan PBK di KKBB. Tidak mempunyai kemahiran tentang kaedah melaksanakan PBK merupakan punca utama yang menjadi halangan dan cabaran pelaksanaan PBK di KKBB. Bahagian pengurusan termasuk pensyarah dan tenaga pengajar di industri tidak mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang PBK. Rentetan daripada kurangnya kemahiran tentang pelaksanaan PBK, pelbagai kekangan dan cabaran lain yang wujud. Setiap tindakan yang dilakukan adalah berdasarkan pendapat peribadi yang menyebabkan kerenggangan hubungan diantara pensyarah dan tenaga pengajar di industri. Dari sudut pentadbiran dan pengurusan pula, pihak KPTM tidak mewujudkan satu jabatan atau bahagian khas untuk mengendalikan program PBK menyebabkan penyelaras, pensyarah dan pihak syarikat tidak mempunyai tempat rujukan sekiranya berlaku permasalahan dalam pelaksanaan PBK di KKBB. Pengetahuan tentang sesuatu perkara sebelum melaksanakannya adalah penting bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya (Abdul Rahman, 2000). Bagi Nik Azis (1999) pula, mengetahui secara mendalam tentang sesuatu perkara sebelum melakukannya adalah kaedah yang perlu dilakukan untuk menghampiri bulatan kejayaan.

Secara teorinya, tujuan pelaksanaan program PBK diploma di KKBB adalah untuk melahirkan pelajar yang kompeten dalam bidang Fesyen dan Apparel sepertimana yang dikehendaki industri. Pelajar dilatih sebagai seorang yang mahir dan menguasai segala yang berkaitan dengan dunia fesyen dan pelajar juga dibekalkan dengan ilmu perniagaan untuk memastikan pelajar boleh berdaya saing dalam bidang masing-masing. Tujuan atau matlamat pelaksanaan PBK di KKBB secara teorinya adalah menepati tujuan dan matlamat pelaksanaan PBK yang dirancangkan KPTM seperti yang dinyatakan oleh Abdul Rahim *et al.* (2007), iaitu PBK dibangunkan dengan kerjasama industri-industri berkaitan untuk meningkatkan pembelajaran dan latihan yang memenuhi kehendak industri serta meningkatkan kebolehkankerjaan lepasan diploma Kolej Komuniti.

Walaupun kaedah pengajian dalam PBK begitu hebat didengar, pelajar seolah-olah tidak menunjukkan minat yang tinggi terhadap program pengajian ini. Pihak KPTM perlu mengambil langkah untuk meyelesaikan sambutan dingin pelajar terhadap program diploma PBK mungkin dengan cara memberikan penerangan kepada pelajar-pelajar peringkat sijil yang berada di semester akhir tentang PBK dan kepelbagaian peluang yang pelajar perolehi daripada mengikuti pengajian PBK. Dapatan kajian mendapati pihak KKBB atau KPTM tidak memberikan sebarang pendedahan meluas kepada pelajar tentang PBK. Pelajar perlu jelas dengan kelebihan yang mereka perolehi sekiranya mengikuti program PBK seperti yang dinyatakan Terry Bargeon (2004), iaitu dalam PBK pelajar berpeluang untuk meningkatkan kemahiran *employability* disamping mengaplikasi dan menggandakan pengetahuan dari aspek akademik dan teknikal. Menurut Beliau lagi, pengalaman pembelajaran yang menggabungkan kuliah dan tempat kerja memberikan pendedahan, pengalaman dan latihan kerjaya yang spesifik mengikut pilihan atau minat pelajar.

Benson (1997) pula menyatakan pengalaman dalam PBK membantu pelajar mengaplikasi kemahiran yang diperlukan dalam dunia pekerjaan dan dalam masa yang sama, pengalaman ini membina tingkah laku atau sikap pelajar terhadap tanggungjawab yang akan dipikul di alam pekerjaan di samping mendidik semangat berkerjasama dalam satu kumpulan. Pelajar lepasan sijil Kolej Komuniti juga perlu dijelaskan bahawa kajian di Amerika Syarikat menunjukkan tahap pencapaian pelajar yang mengikuti program PBK adalah lebih baik berbanding pelajar yang mengikuti pembelajaran tradisional dalam bilik kuliah (Kampits, 2004). Kajian kedua oleh ahli akademik ini juga mendapat maklum balas sebanyak 75% di kalangan pelajar menyatakan pengajian PBK lebih baik daripada pembelajaran tradisional.

Melalui pemantauan yang dilakukan, telah menemukan pelbagai masalah dalam pelaksanaan PBK di industri. Antara masalah yang telah dikenalpasti semasa pemantauan ialah kelemahan tenaga pengajar di industri mengajar dari segi teori, komitmen tenaga pengajar terhadap pengajaran mereka dan ketiadaan kemahiran sosiologi pengajaran di kalangan tenaga pengajar industri. Tenaga pengajar di industri merupakan di kalangan pemilik syarikat dan juga pekerja yang memegang jawatan penting syarikat, mereka mempunyai komitmen yang tinggi terhadap kemajuan syarikat dan mengajar pelajar PBK merupakan bebanan bagi mereka. Mereka juga adalah individu yang mementingkan perniagaan daripada perkara lain. Melalui permasalahan yang wujud, penyelaras atau pensyarah PBK di KKBB membuat beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan PBK di industri bagi memastikan pelajar mendapat yang terbaik.

Salah satu jalan penyelesaian yang dilakukan ialah mengarahkan pelajar PBK kembali ke KKBB dalam waktu-waktu tertentu untuk mempelajari teori yang gagal diajar oleh tenaga pengajar di industri. Tindakan yang diambil pensyarah ini satu kaedah untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul supaya pelajar dapat menghabiskan silibus dari sudut teori tetapi persoalan yang timbul bagaimana dengan tanggungjawab tenaga pengajar di industri? adakah mereka dengan mudah melepaskan tanggungjawab yang sepatutnya mereka pikul diberikan kepada pensyarah? Situasi ini boleh menyebabkan tenaga pengajar memandang ringan tentang tanggungjawab melatih dan mengajar pelajar PBK di KKBB kerana merasakan akan ada individu lain yang mengambil tanggungjawab mereka sekiranya mereka tidak menjalankan tanggungjawab tersebut. Sedangkan menurut David Johnson (2001), majikan perlu memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan kejayaan program PBK.

Pemantauan yang dilakukan juga telah menimbulkan satu kontroversi dan ketegangan hubungan di antara pihak KKBB dengan beberapa pihak di industri. Pemantauan dalam program PBK pada tanggapan pihak industri merupakan satu gangguan dan ianya seolah-olah memperlekehkan pihak industri. Pihak industri bertanggapan bahawa pihak KKBB tidak mempercayai cara kerja mereka. Perkara tersebut menjadi salah satu punca ada pihak industri yang menarik diri daripada kerjasama dengan PBK. Situasi ini bertentang hasil kajian Jakson dan Wirt (1996), kerana mereka mendapati hubungan di antara institusi pendidikan dan majikan memerlukan satu hubungan timbal-balik supaya

konsep menang-menang dapat diwujudkan dan menguntungkan semua pihak yang terlibat dengan PBK.

Salah satu lagi punca majikan menarik diri dalam kerjasama PBK dengan KKBB adalah dari segi kos melatih pelajar yang tinggi. Perkara ini juga telah diakui oleh Brown (1998), menurut Beliau tingkah laku adalah penghalang utama dalam menjayakan program PBK. Kurangnya keyakinan menyebabkan majikan kurang membuat kerjasama dengan intitusi pendidikan dalam menjayakan program PBK. Majikan kurang berminat kerana faktor jumlah kos yang tinggi untuk melatih pelajar dengan kemahiran dalam bidang pekerjaan. Bagi mengelakkan keraguan majikan untuk menjadi peserta dalam program PBK beliau mengatakan bahawa bahagian pengurusan dan penyelarasan PBK perlu membuat satu dokumen rangka arahan pembelajaran lapangan yang akan dilalui oleh pelajar. Majikan dan penyelaras akan membuat penilaian terhadap rangka pembelajaran lapangan kerja ini.

Penemuan penyelidik berkenaan dengan kemahiran yang dimiliki dalam bidang yang diceburi di kalangan tenaga pengajar tidak boleh dipertikaikan kerana mereka adalah dikalangan majikan dan pekerja syarikat yang mempunyai pengalaman luas dalam dunia fesyen. Tetapi kemahiran mereka mengajar dan menyampaikan ilmu yang menjadi persoalan. Tenaga pengajar yang dilantik industri tidak mempunyai latarbelakang sebagai pendidik. Sedangkan menurut American Federation of Teachers (1999) seni dan kemahiran menyampaikan sesuatu ilmu di kalangan pendidik mempunyai pengaruh yang besar terhadap kejayaan seseorang pelajar. Penyelidik mencadangkan agar pihak KPTM memberikan perhatian yang serius terhadap isu ini. Sebagai contoh, tenaga pengajar di industri diberikan kursus jangka pendek tentang kaedah pengajaran dari masa ke semasa.

Pelbagai kecelaruan yang timbul dalam pelaksanaan PBK telah mendatangkan kesan yang negatif dalam pelaksanaannya. Antaranya [1], ada di kalangan syarikat yang menarik diri daripada berkerjasama dalam PBK dengan alasan pelaksanaan PBK merugikan pihak syarikat. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana sekiranya pelajar, pensyarah dan majikan jelas dan melaksanakan peranan mereka dalam PBK. Majikan sepatutnya memperolehi pelbagai kelebihan dalam program PBK kerana menurut David Johnson (2001), melalui program PBK majikan mampu melahirkan tenaga kerja yang berkualiti yang boleh menyumbang kepada pembangunan industri mereka. [2] Sambutan di kalangan pelajar amat menyedihkan kerana pelajar merasakan hanya dijadikan bahan eksperimen dalam pelaksanaan PBK dan tidak memberikan banyak kelebihan kepada mereka. Pelajar berpendapat sedemikian berdasarkan realiti yang mereka saksikan dalam pelaksanaan PBK di KKBB. [3] Dapatan kajian mendapati bekas pelajar PBK di KKBB untuk pengambilan sesi pertama sukar mendapatkan pekerjaan di industri dalam bidang mereka.


Situasi tidak diingini berlaku apabila berlaku kemerosotan tentang jumlah pelajar yang mendaftar dalam program pengajian PBK di KKBB. Penyelidik melalui dapatan kajian mendapati berlaku penyusutan ketara jumlah pelajar yang mendaftar untuk sesi pertama dan kedua iaitu pengambilan yang pertama seramai 19 pelajar telah mendaftar sedangkan untuk pengambilan yang kedua

hanya 9 pelajar yang mendaftar. Jumlah keseluruhan pelajar yang mendaftar ini adalah dari 11 buah kolej komuniti yang menawarkan kursus rekaan Fesyen dan Apperal di seluruh Malaysia

Kesukaran mendapatkan pekerjaan di kalangan bekas pelajar PBK adalah bercanggah dengan matlamat yang diwar-warkan dalam PBK di KKBB. Sepatutnya pelajar merupakan golongan yang paling banyak mendapat manfaat dalam program PBK . Perkara ini diakui oleh ramai ahli akademik yang pakar dalam bidang PBK diantaranya Benson (1997), Bailey dan Merrit (1997), Terry Bargeson (2004) dan Kampits (2004). Keempat-empat ahli akademik ini memberikan kenyataan yang hampir sama iaitu pelajar yang mengikuti program pengajian PBK mempunyai nilai kebolehkerjaan yang tinggi kerana PBK membantu pelajar untuk menjelaskan matlamat mereka, meluaskan pilihan pelajar dalam bidang kerjaya, membantu mengembang tahap keyakinan diri dan menawarkan peluang kemahiran yang mengukuhkan pembelajaran akedemik.

CADANGAN MODUL KONSEPTUAL PELAKSANAAN PBK

Fenomena yang berlaku dalam pelaksanaan program PBK yang menemui pelbagai masalah telah memberikan satu idea kepada penyelidik untuk merekabentuk model konseptual pelaksanaan program Diploma PBK Rekaan Fesyen dan Apparel di KKBB. Model konseptual pelaksanaan ini merupakan satu proses pelaksanaan program PBK yang perlu dilalui untuk memastikan pelaksanaannya mencapai matlamat seperti yang dikehendaki. Model konseptual ini dinamakan sebagai model 3P pelaksanaan PBK. Proses pertama yang perlu dilalui ialah proses pemahaman. Proses pelaksanaan hanya boleh dilakukan setelah proses pemahaman dikuasai. Walaubagaimanapun, sekiranya proses pemahaman menemui jalan buntu, proses pelaksanaan tidak boleh dilaksanakan tetapi perlu kembali kepada proses penyelidikan dan proses seterusnya juga menggunakan kaedah sama.



Pemahaman

Berdasarkan daripada dapatan kajian, pemahaman dan menguasai Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) secara teori dan praktikal adalah amat penting di kalangan individu yang terlibat dengan program PBK. Penyelidik menyatakan kepentingan pemahaman atau penguasaan dalam PBK berdasarkan situasi yang berlaku dalam pelaksanaan program PBK di KKBB. Pelaksanaannya menemui pelbagai kecelaruan disebabkan individu yang terlibat tidak mempunyai pengetahuan dan pemahaman terhadap PBK secara mendalam. Pihak yang terlibat dalam proses pemahaman ini ialah pentadbiran KPTM, penyelarar atau pensyarah, tenaga pengajar dan pelajar.

Pentadbiran

Bahagian pentadbiran KPTM yang mengelola program PBK perlu memahami tentang konsep pelaksanaan PBK secara mendalam. Proses pemahaman juga meliputi pemahaman bahagian pentadbiran terhadap peranan dan tugas mereka dalam pelaksanaan program PBK. Pemahaman yang mendalam dalam PBK akan membuatkan tindakan yang diambil pada proses pelaksanaan dapat dilakukan dengan teratur dan teliti serta mancapai matlamat yang dikehendaki dalam program PBK. Perkara ini bermula dengan menubuhkan satu jawatankuasa khas yang dihantar menjalani kursus PBK di negara-negara yang telah mempunyai sistem PBK yang kukuh. Jawatankuasa khas ini perlu memahami PBK secara menyeluruh sebelum membuat satu kajian tentang kaedah pelaksanaan PBK yang sesuai di Malaysia berdasarkan kesesuaian persekitaran pendidikan negara kita. Melalui kajian tersebut, jawatankuasa khas perlu mewujudkan satu buku panduan khusus dalam pelaksanaan PBK yang menyatakan dengan jelas peranan setiap pihak yang terlibat.

Selepas menguasai, mengkaji dan merangka sistem pelaksanaan PBK yang sesuai dan relevan di negara kita, jawatankuasa khas tersebut perlu memberikan kursus pemahaman kepada pensyarah penyelarar di setiap Kolej Komuniti yang terlibat dengan dengan program PBK. Kursus pemahaman tersebut adalah meliputi pemahaman konsep PBK, kaedah pelaksanaan PBK dan peranan pensyarah penyelarar serta tenaga pengajar di industri dalam program PBK.

Penyelaras atau Pensyarah

Penyelaras merupakan pensyarah yang terlibat dengan pelaksanaan PBK di peringkat Kolej Komuniti dan penyelarar program merupakan ketua yang menentukan setiap tindakan dalam pelaksanaan PBK di KKBB. Modul Pelaksanaan 3P PBK yang direka penyelidik mengkehendaki setiap penyelarar yang terlibat PBK menjalani satu kursus yang khusus untuk memberikan mereka pemahaman tentang program ini sebelum dan semasa pelaksanaan PBK. Pengetahuan individu ini tentang PBK mempunyai pengaruh yang besar dalam kejayaan pelaksanaan PBK di KKBB. Mereka perlu mengetahui tentang tugas dan peranan serta kaedah yang perlu digunakan dalam pelaksanaan program PBK. Dapatan kajian membuktikan bahawa penyelarar dan pensyarah yang mengendalikan program PBK di KKBB masih kurang jelas tentang kaedah

melaksanakan program ini menyebabkan timbul pelbagai kecelaruan dalam pelaksanaan PBK.

Tenaga Pengajar Industri

Tenaga pengajar di industri adalah individu yang bertindak sebagai pengajar kepada pelajar PBK semasa berada di industri selama setahun. Oleh yang demikian, peranan golongan ini tidak boleh dipandang ringan kerana mereka juga adalah penentu kepada kejayaan program PBK. Berjaya atau tidak seseorang pelajar banyak bergantung kepada tenaga pengajar di industri. Tenaga pengajar di industri perlu diberikan pendedahan ataupun kursus tentang PBK sebelum mereka bersetuju menjalinkan kerjasama dalam program PBK. Memberikan penjelasan tentang PBK serta peranan mereka dalam program PBK terhadap tenaga pengajar di industri sebelum mereka bersetuju menjalinkan kerjasama dalam program ini bertujuan untuk memilih tenaga pengajar yang mampu memberikan komitmen yang tinggi. Dapatan kajian mendapati tenaga pengajar adalah pekerja di industri yang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap syarikat dan sudah semestinya mempunyai masa yang amat terhad untuk melatih pelajar PBK. Mereka juga tidak mengetahui peranan sebenar mereka dalam PBK dan mengandaikan PBK hanya seperti latihan industri yang biasa menyebabkan golongan tersebut mengabaikan tugas yang sepatutnya dalam PBK.

Pelajar

Proses pemahaman yang perlu dilalui pelajar merupakan proses memahami secara asas dan faedah yang mereka perolehi dalam program PBK. Penyelaras dan pensyarah perlu memberikan penjelasan tentang matlamat, kebaikan dan hala tuju pelajar program PBK. Pelajar perlu jelas tentang hala tuju mereka sekiranya mengikuti pengajian PBK bagi menanam minat mereka mengikuti pengajian dalam PBK. Kurangnya sambutan pelajar terhadap program PBK di KKBB adalah disebabkan maklumat yang mereka diperolehi tentang PBK hanya diperolehi di kalangan rakan pelajar yang lain. Iklan negatif dari mulut ke mulut telah menyebabkan sambutan pelajar terhadap program PBK amat mendukacitakan.

Proses Pelaksanaan

Maksud pelaksanaan dalam Modul 3P pelaksanaan PBK ialah proses pelaksanaan PBK di peringkat Kolej Komuniti dan industri. Pelaksanaan PBK dilakukan selepas setiap individu yang terlibat dengan PBK melalui proses pemahaman yang mendalam. Pengetahuan tentang PBK yang diperolehi semasa proses pemahaman diaplikasikan dalam bentuk pelaksanaan sebenar. Sekiranya proses pelaksanaan menemui masalah dan ketidakfahaman tentang pelaksanaan PBK, penyelaras dan pensyarah serta tenaga pengajar perlu kembali kepada proses pemahaman bagi menguasai semula secara mendalam tentang sesuatu konsep PBK yang mengalami masalah. Tetapi sekiranya permasalahan dalam pelaksanaan PBK tidak dapat diselesaikan melalui proses pemahaman, proses penyelidikan perlu dilakukan bagi

mengenalpasti serta menyelesaikan punca ketidakfahaman tentang PBK dan seterusnya menyelesaikan permasalahan yang timbul.

Proses Penyelidikan

Proses penyelidikan perlu dilakukan sekiranya proses pemahaman menemui jalan buntu. Kajian atau penyelidikan perlu dilakukan oleh jawatankuasa khas yang ditubuhkan untuk mengendalikan pelaksanaan PBK bagi memastikan dan menyelesaikan masalah yang timbul. Proses penyelidikan juga perlu dilakukan walaupun proses pelaksanaan menemui kejayaan dan mencapai matlamat pelaksanaan. Penyelidikan yang dilakukan berdasarkan kejayaan adalah bertujuan untuk penambahbaikan. Penambahbaikan yang diperolehi melalui penyelidikan dari masa ke semasa dalam pelaksanaan PBK mampu melonjakkan kualiti program PBK di KKBB khususnya dan Malaysia amnya.

Secara kesimpulannya, program PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di KKBB perlu melalui tiga peringkat proses iaitu proses pemahaman yang mendalam dengan tujuan mewujudkan pakar dalam PBK, pelaksanaan berdasarkan kefahaman yang jelas dan penyelidikan yang bertujuan untuk mencari punca permasalahan serta penambahbaikan dalam PBK. Tiga peringkat proses tersebut mampu mewujudkan program pengajian PBK yang berkualiti dan mampu menjana modal insan yang berkualiti seperti yang dikehendaki negara.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz (2000). *Kemahiran Sosial Asas*. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Rahim Ahamad, Anuar Ismail, Mohamad Asri Ahmad. (2007), *community college education through collaborative Engagement and partnerships with industries-work based learning project*. Paper work. 2007.
- American Federation of Teachers (1999). *Reaching the next step: How school to career can help students reach high academic standards and prepare for good jobs*. Washington, D.C.
- Anne C Lewis (2004). *effects of work-based learning*. ProQuest Education Journals 2004.
- Benson, J.T. (1997). *Wisconsin Work-Based Learning Guide*. Madison Wisconsin: Wisconsin Department of Public Instruction.
- Bergeson, T. (2008). *Washington State Worksite Learning Manual*. Olympia: State Superintendent of Public Instruction.
- Bloom, N., Conway, N., Mole, K., Moslein, K., Neely, A. and Frost, c. (2004), *Solving the skill gap*, AIM Research Paper, Advance Institute of Management, London.
- Bogdan, R.C., dan Biklen, S.K. (1998). *Qualitative Research in Education: An Introductory to theory and method*. (3rd.ed). Boston: Allyn & Bacon.
- Brown, B. (1998). *What's happening in school-to-work programs?* ERIC Clearinghouse on Adult, Career, and Vocational Education (ERIC Information Series No 190).

- David Johnson (2001). *The Opportunities, Benefits and Barriers to The Introduction of Work –Based Larning*. Innovations in Education and Teaching International; 2001,38,4. Proquest Education Journals.pg. 364.
- David Silverman, (1997). *Qualitative Research: Theory, Method and Practice*. London, Thousand Oaks and New Delhi : Sage.
- Iowa Education Department (2002). *Work-Based Learning Guide*
- Jackson, G.,& Wirt, J. (1996). *Putting students to work*. Training and Development, 50 (11), pp.58-61.
- Max Travers (2001). *Qualitative Research Through Case Studies*. Sage Publication : London . Thousand Oaks . New Dehli.
- Merriam, S.B. (2001). *Andragogy and Self- Directed Learning: Pillars of Adult Learning Theory*. San Francisco: Jossey-Bass Publication.
- Nik Azis Nik Pa (1999), *Potensi Intelek*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nik Azis Nik Pa (1994), *Penghayatan Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Office of Technology Assessment (OTA), U.S. Congress (1995). *Learning to work: Making the transition from school-to-work* (OTA-HER-637). Washington, DC: Government Printing Office.
- Othman Lebar (2006). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Method*. Tanjung Malim: UPSI.
- Patton, Q.M. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. (2nd.ed). Thousand Oaks, Calif: Sage.
- Seagraves, L., Osbourne, M., Neal, P., Dockrell, R., Hartshorn, C., & Boyd, A. (1996). *Learning in smaller companies*. Final Report, Educational Policy and Development, Stirling, UK.
- The American Federation of Teachers (1999). *Reaching the next step: How school to career can help students reach high academic standards and prepare for good jobs*. Washington, D.C.
- United States 103rd Congress (1994). *The school-to-work opportunities act*. P.L. 103-239. Washington, DC: Author.